

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]  
TARIKH : 31 OKTOBER 2017  
SOALAN : 45

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor pakar warganegara dan bukan warganegara yang masih berkhidmat dan tidak lagi berkhidmat bagi setiap hospital daerah mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pengisian jawatan Pegawai Perubatan Pakar bagi tahun 2013 hingga 30 September 2017, secara keseluruhannya terdapat peningkatan bilangan pengisian sebanyak 27.8 peratus berbanding pada tahun 2013. (3,538 pada tahun 2013 kepada 4,898 pada tahun 2017).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil inisiatif melantik semula (*renewal*) Pegawai Perubatan Pakar warganegara dan bukan warganegara yang telah tamat kontrak mengikut keperluan. Sehingga 30 September 2017, terdapat seramai 42 Pegawai Perubatan Pakar lantikan secara kontrak sedang berkhidmat di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di mana 22 orang daripadanya adalah warganegara manakala 20 orang lagi adalah sebaliknya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian dari tahun 2013 hingga tahun 2017, purata Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan adalah seramai 140 setahun.